

# Polis terbabit jenayah tidak akan dilindungi

BH 10 MAY 2001

Oleh Misiah Taib

KUCHING, Rabu - Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan melindungi mana-maria pegawai serta anggotanya yang terbabit dalam jenayah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata malah, semua kes membabitkan pegawai dan anggota polis akan dikendalikan seperti kes lain dan tindakan termasuk pendakwaan di mahkamah akan diambil seperti dituntut undang-undang.

"Kalau orang kita (polis) melakukan kesalahan, kita juga akan ambil tindakan.

"Kita juga akan tangkap dan tuduh mereka di mahkamah, jika kita memiliki bukti cukup.

"Maknanya kita tidak memberi sebarang keistimewaan kepada mereka. Tidak ada layanan khas kepada pesalah dari pasukan ini," katanya.

Beliau berkata demikian

"Kita juga akan tangkap dan tuduh mereka di mahkamah, jika kita memiliki bukti cukup."

- Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai

kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), di Hotel Crowne Plaza Riverside, di sini, hari ini.

Norian berkata demikian sebagai mengulas kes pegawai dan anggota polis yang ditahan kerana dipercayai terbabit dalam kes samun di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau juga mengesahkan setakat ini, dua pegawai dan dua anggota polis yang disyaki terbabit dalam kes samun sebuah kedai empat nombor ekor di Cheras, Sabtu lalu.

Norian berkata, bagaimanapun, kes itu masih disiasat dan polis sedang mengenal pasti sama ada pegawai atau anggota po-

lis lain terbabit dalam jenayah itu.

Minggu lalu, tiga anggota polis turut ditahan di Setapak kerana disyaki terbabit dalam kes culjk.

Ditanya sama ada pandangan masyarakat terhadap polis terjejas berikutan penahanan pegawai dan anggota polis berkenaan, Norian berkata, imej pasukan itu bergantung kepada tanggapan umum.

"Kita sedaya upaya bersikap telus dan setiap pegawai serta anggota yang terbabit akan dikenakan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang.

Sementara itu, Norian berkata, polis perlu memantapkan kegiatan risikan dalam usaha mencegah jenayah secara lebih efektif.

Untuk mencapai matlamat itu, katanya, polis telah membina sebuah makmal forensik bagi meningkatkan mutu penyiasatan dengan penggunaan kaedah lebih saintifik dan moden.

"Polis sedang berusaha mewujudkan satu lagi kursus profesional yang diiktiraf sebagai Diploma Sains Penyiasatan (Diploma in Investigative Science) secara program berkembar dengan Universiti Malaya (LJM)," katanya.

Langkah itu, kata Norian, selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyuarakan kebimbangannya terhadap penyelesaian kes jenayah berat, terutama kes bunuh.

"Walaupun kita berjaya menurunkan kadar indeks jenayah sebanyak 1.15 peratus, tetapi indeks jenayah keganasan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.11 peratus," katanya.

Beliau berkata, walaupun JSJ mempunyai anggota lebih kecil berbanding jabatan lain seperti Jabatan Pengurusan dan Cawangan Khas, usaha sedang dilaksanakan untuk memperkembangkan pasukan itu dengan menambah anggota, terutama di peringkat pegawai penyiasat.